

04/03/2004

Melaka penuhi 43 peratus kriteria negeri maju

Daud Awang

JIKA melihat `ball pen' berharga 60 sen terselit di poket `bush jaket' atau meneliti nombor telefon bimbit 019-6659567, ia menggambarkan betapa `low profilnya' Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Berikutan itu, selepas menerajui kerajaan negeri empat tahun lalu, Mohd Ali yang ketika zaman persekolahannya berkaki ayam ke sekolah dan pernah bekerja di gerai menjual roti canai bertekad meningkatkan kualiti hidup rakyat Melaka terutama golongan miskin.

Menyedari hakikat itu, kerajaan negeri menjalankan strategi dan dasar pembangunan seimbang iaitu pembangunan rohani dan jasmani demi kebaikan seluruh rakyat Melaka.

Tumpuan utama ialah meningkatkan kualiti hidup rakyat sejajar rancangan menjadikan Melaka Maju 2010.

Setakat ini ternyata dasar itu mencapai banyak kejayaan hasil bantuan dan kerjasama erat antara kerajaan negeri dan Pusat di bawah bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan kepimpinan baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Jika diteliti, ternyata nasib rakyat Melaka lebih beruntung dan terbela berbanding rakan mereka di negeri yang diperintah pembangkang kerana program pembangunan dan kemudahan infrastruktur dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Setiap kawasan dan pelusuk desa boleh dihubungi melalui jalan yang berturap, menikmati kemudahan bekalan elektrik dan air, klinik desa, lampu awam, sekolah, rumah awam, bantuan yuran peperiksaan, pinjaman pendidikan, hospital dan pelbagai program industri kampung yang bertujuan meningkatkan pendapatan rakyat.

Setakat ini kadar pengangguran di Melaka adalah terendah berbanding negeri lain iaitu sekitar empat peratus saja dan ia sekali gus mencerminkan semua rakyat di Melaka mempunyai pekerjaan sama ada di sektor awam atau perindustrian manakala selebihnya bekerja sendiri.

Jika diukur pencapaian itu, Melaka sudah memenuhi 43 peratus daripada kriteria untuk mencapai negeri maju menjelang 2010 dari segi pembangunan rohani dan jasmani.

Mohd Ali berkata, fokus utamanya ialah membasmi kemiskinan kerana tidak ada gunanya jika negeri maju tetapi rakyatnya hidup dalam kemiskinan dan sempena itu, tahun ini diisytiharkan sebagai Tahun Sifar Kemiskinan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri dengan kerjasama pihak swasta menubuhkan pelbagai tabung untuk membantu rakyat miskin.

Antaranya ialah tabung kebajikan, pendidikan, bencana alam dan tabung yang diuruskan Lembaga Urusan Wakaf dan Baitulmal yang dikendalikan Majlis Agama Islam Melaka (Maim).

"Untuk tabung kebajikan, kita membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi bantuan bulanan kepada keluarga miskin sama ada berkeluarga atau sebatang kara.

"Duit ini kita dapat daripada Kerajaan Pusat, tabung kebajikan negeri, daripada Jaim melalui bayaran zakat dan setakat ini kerajaan negeri beri bantuan bulanan kepada 3,900 orang membabitkan perbelanjaan RM8 juta setahun.

"Bantuan ini dinaikkan pada tahun 2000 daripada RM150 sehingga RM340 satu keluarga dan bujang daripada RM50 sehingga RM210 sebulan. Daripada jumlah itu, RM140 adalah daripada kerajaan negeri dan bakinya, RM70 daripada Kerajaan Pusat," katanya.

Mohd Ali berkata, ada di kalangan mereka menerima bantuan dalam bentuk kewangan manakala sebahagian lagi menerimanya dalam bentuk barangan makanan yang disumbangkan Maim.

"Dengan cara ini kerajaan negeri dapat membela nasib mereka dengan berkesan dan menyeluruh," katanya.

Mohd Ali berkata, menjadi matlamat kerajaan membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan keluarga miskin sehingga melebihi RM510 sebulan.

Katanya, kerajaan akan memberi bantuan RM340 sebulan dan bakinya mereka boleh mendapat pendapatan melalui kerja sambilan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri mewujudkan Pusat Pembela untuk memastikan keluarga miskin yang produktif ini dapat melakukan kerja sambilan sama ada berniaga atau mengusahakan program industri kampung untuk menyara keluarga masing-masing.

"Apa yang kita harapkan ialah menjelang akhir tahun ini, Melaka tidak mempunyai keluarga miskin kerana mereka sudah mempunyai pendapatan melebihi 510 sebulan dan termasuk bantuan daripada kerajaan," katanya.

Di samping itu, katanya, golongan miskin ini tidak mempunyai rumah, kerajaan negeri menggunakan wang tabung kebajikan untuk membina rumah melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT).

Beliau berkata, sejak 2000 hingga 2001, kerajaan memperuntukkan RM10,000 sebuah bagi pembinaan baru rumah PPRT dengan keluasan rumah 20 x 18 kaki yang dilengkapi tandas di luar dan satu bilik tidur.

Bagaimanapun, katanya, peruntukan itu dinaikkan kepada RM12,000 sebuah mulai 2002 dengan luas binaan 20 x 28 kaki dan dilengkapi tandas di dalam rumah dan dua bilik tidur.

Selain itu, kerajaan negeri turut menyediakan RM5,000 hingga RM8,000 bagi membaik pulih sebuah rumah melalui program ini.

"Adalah tidak benar dakwaan pembangkang bahawa program PPRT ini untuk satu kaum, sebaliknya ia membabitkan semua kaum jika mereka mengikut prosedur yang ditetapkan. Permohonan diluluskan tanpa mengira sama ada mereka berada di kawasan pembangkang atau kerajaan.

"Dalam tempoh empat tahun, kerajaan negeri sudah meluluskan pembinaan hampir 800 rumah PPRT dan Melaka adalah negeri yang terbanyak meluluskan permohonan pembinaan dan baik pulih rumah PPRT.

"Untuk mempercepatkan proses permohonan, setiap minggu melalui mesyuarat Exco sebanyak empat akan diluluskan daripada senarai permohonan dan setakat ini masih ada kira-kira 300 permohonan," katanya.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri akan terus memastikan golongan miskin mendapat pembelaan yang sewajarnya seiring dengan hasrat mencapai negeri maju menjelang 2010.